



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

244 PENIAGA PUTRAJAYA NIKMATI DISKAUN SEWA 30% BERMULA JUN INI 25 MEI 2026

1. Perbadanan Putrajaya akan melaksanakan pengurangan kadar sewa bulanan sebanyak 30% kepada peniaga medan selera, kios penjaja dan pasar miliknya.
2. Langkah ini bertujuan mengurangkan tekanan operasi dan membantu peniaga kecil terus bertahan dalam keadaan ekonomi yang masih mencabar.
3. Peniaga kecil tidak patut dibiarkan berjuang sendirian ketika cabaran kos sara hidup terus dirasakan rakyat.
4. Inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada 244 peniaga kecil di Putrajaya dan akan dilaksanakan selama 12 bulan bermula 1 Jun 2026 hingga 30 Mei 2027.
5. Bagi melayakkan mereka menikmati pengurangan kadar sewa ini, peniaga yang terlibat perlu menyelesaikan tunggakan sewa sehingga Mei 2026. Langkah ini juga memberi peluang kepada mereka untuk menyusun semula komitmen sewaan secara lebih stabil dan mampan.
6. Saya memahami ramai peniaga kecil memulakan hari seawal pagi demi memastikan perniagaan mereka terus berjalan dan keluarga mereka terus terbela. Ketika rakyat sedang mengurus pelbagai cabaran kehidupan harian, bantuan yang bersasar amat penting supaya peniaga kecil terus mampu bertahan.
7. Kerajaan turut menggalakkan peniaga bersama-sama menyokong amalan komuniti sihat dan mampan selaras dengan aspirasi Putrajaya termasuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna serta menyediakan pilihan makanan yang lebih sihat kepada pelanggan.
8. Saya berharap langkah ini dapat memberi sedikit ruang bernafas kepada peniaga kecil yang setiap hari berusaha mencari rezeki demi keluarga mereka.
9. Apabila peniaga kecil terus diberi ruang untuk bertahan dan berkembang, seluruh komuniti turut mendapat manfaat daripada pengguna, keluarga hinggalah ekonomi setempat.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

